

~~607-226/80~~

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,  
PERDANA MENTERI MALAYSIA,  
SEMASA MERESMIKAN MUSABAQAH  
MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT  
KEBANGSAAN TAHUN HIJRAH 1400  
DAN MASIHI 1980, DI STADIUM  
MERDEKA, KUALA LUMPUR, PADA  
HARI ISNIN, 28HB. JULAI, 1980,  
JAM 8.30 MALAM.

Assalamu'alaikum Warah-matullahi Wabarakatuh.

Bismilla-hir-Rahma-nir-Rahim.

---

1. Yang Berbahagia, Tan Sri Syed Nasir Ismail,  
Pengerusi Jawatankuasa Pusat  
Musabqah Membaca Al-Quran  
Tahun 1400 Hijrah.
2. Yang Amat Berhormat,  
~~Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamed,~~  
Timbalan Perdana Menteri.  
2A. *y. A. B. Tun yang Dipertua Dewan negara.*
3. Yang Berhormat, Menteri-Menteri,  
~~Timbalan-Timbalan Menteri.~~
4. Yang Amat Berhormat,  
Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri,  
4A. *yang Berhormat Timbalan<sup>2</sup> menteri.*
5. Tuan-tuan Yang Terutama, Duta-Duta dan  
Wakil-wakil Kerajaan Asing,
6. Yang Berusaha, Wakil-wakil Kerajaan Negeri,
7. Para Peserta,
8. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

2.

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah, Tuhan sekalian Alam. Dengan limpah kurnia dan rahmatNYA, dapat kita sekali lagi mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran tahun ini, iaitu kali yang ke 22 bagi Peringkat Kebangsaan, dan kali yang ke 21 bagi Peringkat Antarabangsa.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah, dan juga kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, yang telah berkerjasama serta bersungguh-sungguh untuk menjayakan Musabaqah ini. Disamping itu,

... 3/-

3.

saya juga mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada semua pihak yang telah memberi apa juga sokongan dan bantuan, dalam menjayakan Musabaqah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Musabaqah Membaca Al-Quran telah menjadi satu tradisi kepada kita di Malaysia. Acara yang mulia dan suci ini, bukan sahaja diadakan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa, malah di peringkat negeri dan daerah. Diperingkat antarabangsa, kita telah dapat meletakkan asas hubungan yang lebih erat lagi, diantara negara-negara Islam.

...4/-

4.

Usaha kita ini, bukan sahaja disanjung tinggi, bahkan terdapat pula sebilangan negara-negara Islam, yang telah mengikuti jejak langkah yang dijalankan oleh negara kita. Ini membuktikan, bahawa kita telah berjaya mempelupuri satu bidang, dalam usaha meninggikan lagi syiar Islam.

4. Musabaqah Membaca Al-Quran yang diadakan dimerata-rata negara kita, bukan sahaja dapat menambahkan lagi minat membaca Al-Quran, tetapi menambahkan lagi minat terhadap Ugama kita. Dengan adanya Musabaqah tiap-tiap tahun, usaha-usaha bagi meninggikan mutu bacaan sentiasa

...5/-

5.

dipelihara, dan usaha-usaha yang lebih, telah juga dibuat, untuk menambahkan lagi pemahaman umat Islam terhadap isi, ilmu dan panduan, serta ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Thema Musabqah tahun ini, iaitu

"KUKUHKAN PERPADUAN MENURUT AL-QURAN",

adalah amat tepat dan sesuai dengan keadaan

dan masa. Gesaan daripada thema ini, ialah

untuk membangkitkan kesedaran, dan seterusnya

menjalinkan perpaduan yang utuh di kalangan

6.

umat Islam. Tema yang dipilih ini, bukanlah memberi erti bahawa perpaduan tidak wujud di kalangan umat Islam di negara kita. Tujuannya, ialah supaya tiap-tiap individu Islam, sedar tentang pentingnya perpaduan di kalangan mereka itu, diperkukuhkan lagi. Perpaduan bukan sahaja penting bagi kemajuan umat, tetapi sebagai benteng yang kukuh, untuk menentang apa-jua cabaran, dari luar dan dalam, yang cuba menggugat Islam dan perpaduan umatnya.

6. Sesungguhnya, Al-Quran menekankan persaudaraan sebagai cara hidup dan amalan kita.

7.

Amanat Allah ini, adalah jelas disampaikan, sama ada dalam bentuk arahan, atau pun melalui cerita dan peristiwa. Segala-galanya adalah untuk memberi kesedaran kepada umat Islam, tentang pentingnya perpaduan yang erat, kukuh dan tulin dikalangan mereka. Demikianlah dalam ayat 103, Surah Al-Imran, misalnya, Allah berfirman dengan maksud: "Dan Berpegang teguhlah kamu sekalian, kepada tali Allah (yakni U gama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai..."

...8/-

8.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Kekuatan sesuatu umat, atau pun sesebuah negara, bergantung kepada perpaduan yang terjalin dikalangan rakyatnya. Tanpa perpaduan, sesuatu umat atau negara, akan terdedah kepada unsur-unsur yang boleh memecah-belah dan memusnahkannya. Kekacauan dan huru-hara yang melanda beberapa buah negara, termasuklah beberapa buah negara Islam sendiri, adalah bukti yang nyata, tentang penting dan perlunya perpaduan, bagi menghadapi peristiwa-peristiwa dan kemungkinan-kemungkinan yang tidak diingini.

9.

8. Sebagaimana kita sedia maklum, perpaduan boleh diasaskan kepada berbagai faktor. Faktor ideologi, ancaman musuh dari luar, dan lain-lain, boleh digunakan untuk memupuk perpaduan. Tetapi dalam Islam, asas perpaduan ialah persaudaraan. Persaudaraan, sebagai asas perpaduan di dalam Islam, adalah penting disedari, kerana persaudaraan yang erat dan tulin, boleh menjadi lebih penting dan berkesan daripada faktor-faktor lain. Oleh itu, segala usaha hendaklah dijalankan, bagi memenuhi amanat ALLAH supaya umat Islam bersaudara. Amanat Allah ini, adalah menjadi tanggung-jawab yang mesti ditunaikan oleh tiap-tiap orang Islam.

10.

9. Umat Islam terdiri daripada berbagai keturunan dan bangsa. Oleh itu, penekanan kepada persaudaraan sebagai tali pengikat umat Islam, adalah tepat sekali. Persaudaraan memberi erti kekeluargaan. Dan kekeluargaan memberi erti hormat-menghormati, bantu-membantu, serta lain-lain lagi, yang menjadi landasan atau teras kepada faktor-faktor keutuhan perpaduan yang lain. Di negara kita, umat Islam terdiri daripada berbagai kaum atau keturunan. Kita mistilah sedar, betapa pentingnya bagi umat Islam di negara kita ini, untuk berusaha dan berkerjasama, dengan lebih giat lagi, bagi meningkatkan lagi persaudaraan dan seterusnya perpaduan Islam. Dengan cara ini,

...11/-

11.

umat Islam akan dapat memainkan peranannya yang penting, sebagai teras dalam memupuk dan mewujudkan perpaduan dan ketahanan negara, sebagaimana yang kita cita-citakan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Kita tidak dapat menafikan, wujudnya perpaduan umat Islam di negara kita. Yang menjadi soal, ialah bagaimana kukuh dan tulusnya perpaduan ini.

Dan sama ada perpaduan yang ada, diasaskan kepada semangat dan amalan persaudaraan yang tulin, sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Al-Quran.

...12/-

12.

11. Sebagaimana kita sedia maklum, memang terdapat gejala-gejala yang tidak sihat, yang boleh melemahkan perpaduan umat Islam di negara kita. Kita tidak dapat juga menafikan, ada pihak-pihak yang ingin melihat perpecahan di kalangan umat Islam, kerana tujuan-tujuan tertentu. Musuh-musuh Islam ini, bergerak dengan berbagai cara, untuk melemahkan perpaduan Islam. Tetapi yang paling merbahaya, ialah apabila orang Islam sendiri telah menjadi alat musuh-musuh Islam bagi memecah-belahkan umat Islam. Kita harus faham, bahawa musuh-musuh Islam sedar, yang mereka hanya akan berkesan

...13/-

13.

menembusi kubu perpaduan Islam, dengan menggunakan Islam atau orang-orang Islam sendiri. Maka itulah, Allah Subhanahu Wataala menekankan, pentingnya persaudaraan Islam, kerana dengan persaudaraan yang tulin, sesaorang tidak akan mengkhianati saudaranya yang lain, malah akan sentiasa melindunginya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Kita pernah mendengar, penyebaran fatwa-fatwa oleh mereka yang tidak bertanggung-jawab. Pengajaran ugama, oleh mereka yang terpesong daripada ajaran Islam yang sebenarnya, telah juga berlaku. Kejadian kafir-mengkafir, pulau-memulau, fitnah memfitnah,

...14/-

14.

telah juga dilaporkan berlaku, di kalangan umat Islam kita. Malah banyak lagi perkara yang boleh disentuh, yang dapat membuktikan bahawa umat Islam di negara kita, sedang terdedah kepada pengaruh yang boleh memecah-belahkan mereka. Alangkah ruginya, jika kelemahan Islam, akan dilakukan oleh orang Islam sendiri, kerana *ke-che-tak-kan* kecetekkan pengetahuan mengenai agama Islam, fikiran yang sempit, atau disebabkan dorongan hawa-nafsu, rela menyelewengkan agama dan menyesatkan umat Islam. Mereka yang membiarkan diri mereka menjadi musuh, atau alat musuh Islam, adalah mereka yang rugi di dunia dan di akhirat.

...15/-

15.

13. Saya menyeru mereka, yang menjalankan dakyah untuk melaga-lagakan umat Islam, atau mengajar ajaran-ajaran yang sesat dan menyeleweng, supaya balik ke pangkal jalan dan bertaubat. Mereka hendaklah insaf, dan memikirkan balasan Allah terhadapnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Ugama Islam adalah satu ugama yang menyeluruh, yang boleh membawa umatnya kepada kemajuan dan kemakmuran, serta kesejahteraan dan kesempurnaan hidup dunia dan akhirat. Dengan perpaduan umat, berdasarkan kepada semangat dan

16.

amalan persaudaraan yang tulin, umat Islam akan dapat mencapai kemajuan dan tingkat kejayaan yang lebih tinggi, dalam semua bidang dan lapangan.

15. Kerajaan akan sentiasa meningkatkan usahanya bagi meninggikan lagi syiar Islam, dan menambahkan lagi kemajuan dan kemakmuran umat Islam. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, tidak akan dapat memberi kesan yang seluas-luasnya, sekiranya umat Islam sendiri, tidak menumpukan sepenuh usaha dan tenaga bagi membantunya. Umat Islam hendaklah menggunakan apa jua peluang untuk memajukan diri mereka, serta berusaha untuk mendapatkan segala

17.

keperluan dan kemewahan hidup. Seterusnya, mereka hendaklah menggunakan harta-benda dan kekayaan mereka, bagi menjalankan berbagai ibadah, bukan sahaja untuk bekalan akhirat, tetapi juga untuk memaju dan membantu saudara Muslimin-Muslimat yang lain, terutamanya yang dhaif. Oleh itu, umat Islam hendaklah mengejar kemajuan, supaya hasil daripada kemajuan, dapat pula membawa mereka kepada satu peringkat kemajuan yang lebih tinggi, disamping dapat mengukuhkan lagi perpaduan umat.

16. Dalam kita menjalankan usaha-usaha bagi meninggikan syiar Islam, kita mistilah sentiasa

...18/-

berpandukan kepada ajaran AL-Quran. Umat Islam haruslah mengambil daya-usaha yang bersungguh-sungguh, untuk memahami kandungan dan intisari AL-Quran. Kita sedia maklum, bahawa AL-Quran adalah panduan hidup kita, dan yang demikian sudah semestinyalah kita mamahaminya. AL-Quran juga, adalah sebuah gedung ilmu pengetahuan, dan segala rahsia. Oleh itu, mereka yang inginkan kemajuan dan kejayaan dunia dan akhirat, tidak dapat tidak memerlukan panduan AL-Quran. Demikian juga, dengan memahami AL-Quran dan Ajaran Islam, umat Islam tidak akan senang terpengaruh dengan unsur-unsur yang ingin merosakkan Islam dan umatnya.

17. Ketika kita menikmati bacaan Al-Quran di dalam Musabaqah ini, kita hendaklah secara insaf, meneliti intisari ayat-ayat yang dilafazkan. Disamping itu, kita hendaklah merenung masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam. Masalah dadah, keruntuhan akhlaq di kalangan muda-mudi, kurang disiplin di kalangan kanak-kanak, dan berbagai lagi, yang telah meresapi masyarakat kita. Marilah kita mengeratkan lagi persaudaraan Islam, serta meningkatkan lagi perpaduan umat. Kita mistilah melengkapi diri kita, anak-anak dan keluarga kita, serta masyarakat kita, dengan AJARAN

ISLAM, sebagaimana amanat ALLAH, semoga iman kita, akan menjadi ubat, penawar dan hikmat dalam kita menghadapi semua cabaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.


18. Ayat-ayat yang dilafazkan di dalam Musabaqah ini, hendaklah kita anggap sebagai seruan, supaya kita mengukuhkan perpaduan umat Islam. Tiap-tiap seorang daripada kita, harus merenung sumbangan kita yang ikhlas dan tulin, yang telah atau akan kita lakukan, demi untuk perpaduan Islam.

19. Akhirnya, marilah kita berdoa, semoga di bulan dan malam yang mulia ini, segala usaha suci kita, akan diberkati Allah Subhanahu Wataala. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisytiharkan Musabaqah Membaca Al-Quran, bagi tahun 1400 hijrah, peringkat Kebangsaan, dibuka dengan resminya.

Wabillahit-taufiq Walhidayah.

Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

\*\*\*\*\*





\*\*\*\*\*

No. Siri	496
No. Penerimaan	168/80